

## **Akaun Pelaburan Portfolio-i – Istimewa Raya 2022**

Dikemaskini pada 1 April 2022

### **TERMA DAN SYARAT PROMOSI**

Terma dan Syarat Akaun Pelaburan Portfolio-i (PIA-i) oleh Hong Leong Islamic Bank hendaklah dibaca bersama-sama Terma & Syarat Am PIA-i dan mana-mana terma dan syarat berkaitan lain yang dikenakan oleh Hong Leong Islamic Bank Berhad 200501009144 (686191-W) (“**HLISB**” atau “**Bank**”). Bank boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat berkaitan serta peraturan lain pada bila-bila masa setelah memaklumkan terlebih dahulu.

Terma dan Syarat ini hanya terpakai kepada PIA-i, yang merupakan Akaun Pelaburan Terbatas (RA) yang membenarkan langganan dan penebusan dilakukan dalam talian melalui Perkhidmatan Perbankan Digital Hong Leong (“**Hong Leong Bank Connect**”).

“**Promo PIA-i**” (“**Promosi**”) HLISB bermula pada 20 April 2022 dan berakhir pada 10 Mei 2022, termasuk kedua-dua tarikh atau apabila tercapai sasaran promosi yang ditetapkan, mengikut mana yang dahulu (“**Tempoh Promosi**”), melainkan diberitahu sebaliknya.

#### **Terma & Syarat (“T&Cs”):**

**Terma dan syarat Promosi adalah seperti berikut:**

#### **Kelayakan**

1. Promosi ini terbuka kepada pemilik akaun CASA-i HLISB/ CASA HLB sedia ada. PIA-i boleh dilanggan melalui Hong Leong Connect. PIA-i adalah produk berasaskan digital dan hanya tersedia menerusi Hong Leong Connect.
2. Pelanggan Layak perlu melakukan langganan hanya semasa Tempoh Langganan (SP) selama 21 hari. Selepas SP berakhir tiada langganan tambahan boleh dilakukan. Dalam masa 21 hari ini, apa-apa pelaburan yang dibuat oleh Pelabur akan dilaburkan ke dalam Dana Al-Izdihar (Pasarang Wang) tidak termasuk pelaburan yang diletak oleh Pelabur pada Hari Ke-21.
3. Amaun langganan PIA-i minimum adalah RM1,000 manakala amaun langganan maksimum adalah RM5,000,000 bagi setiap transaksi. Transaksi langganan mestilah dibuat dalam gandaan RM100.
4. PIA-i merupakan produk kekal (tanpa tarikh matang) dan mempunyai tempoh agihan keuntungan setiap enam (6) bulan.

### Tempoh Langganan

| Tempoh Promosi      | Tempoh  | Amaun Langganan Dana Minimum dalam PIA-i | Amaun Langganan Dana Maksimum dalam PIA-i setiap langganan |
|---------------------|---------|--|--|
| 20/4/2022-10/5/2022 | 6 bulan | RM1,000                                  | RM5,000,000,00   |

### Mekanisme Promosi

5. **Pembaharuan:** “Promosi” hanyalah untuk langganan PIA-i. Apa-apa pembaharuan automatik selepas tempoh itu adalah tertakluk kepada kadar niaga indikatif semasa PIA-i pada masa pembaharuan.
6. Bagi Pelabur yang mempunyai CASA-i / CASA sedia ada di HLISB / HLBB, maka langganan PIA-i boleh dibuat melalui Hong Leong Bank Connect daripada CASA-i / CASA. Pelabur yang tidak mempunyai CASA-i / CASA sedia ada dengan Bank dikehendaki membuka CASA-i dengan HLISB sebelum melanggan PIA-i.

### Hadiah Langganan Peserta Terawal

7. Pelabur MESTILAH memenuhi semua kriteria yang dinyatakan dalam Jadual 1 (“Pelanggan Layak”) untuk layak menerima hadiah langganan.

**Jadual 1**

|   |                           |
|---|---------------------------|
| Menjadi <b>200 pelanggan pertama</b> membuat langganan dari <b>RM51,000 ke atas</b> | 1 unit syiling emas 0.10g |
|---|---------------------------|

8. Hadiah langganan tertakluk kepada ketersediaan stok, dihadkan kepada satu (1) langganan bagi setiap Pelanggan Layak dan atas dasar siapa cepat dia dapat.

### **Penyerahan Hadiah Langgan**

9. Pengumuman Pemenang dan penyerahan hadiah adalah seperti berikut (“Pengumuman Pemenang”):

| Pengumuman Pemenang   | Penyerahan Hadiah   |
|---|---|
| Dalam tempoh 60 hari hari bekerja selepas tamat Tempoh Peraduan | Pemenang akan dihubungi oleh Bank sama ada secara bertulis atau melalui telefon untuk urusan penyerahan hadiah. |

10. Pemenang akan dimaklumkan oleh pihak Bank sama ada secara bertulis, melalui telefon, SMS atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank (“Pemberitahuan Pemenang”) berdasarkan usaha terbaik menghubungi ke nombor telefon terkini yang direkodkan dalam sistem HLISB.
11. Hadiah langganan tidak boleh ditukar untuk wang tunai muka, kredit, cek atau manfaat barangan.
12. Bank tidak memberi sebarang representasi atau waranti berkenaan kualiti atau kesesuaian hadiah langganan.

### **Umum**

13. Dengan menyertai Promosi ini, Pelabur bersetuju:
- mematuhi Terma & Syarat di dalam ini;
  - keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad, mengikat dan konklusif;
  - mengakses laman web HLISB di [www.hlisb.com.my/PIA-i](http://www.hlisb.com.my/PIA-i) dari semasa ke semasa untuk menyemak T&Cs Promosi dan memastikan sentiasa mengikut apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&Cs.
  - memberi keizinan dan kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan data peribadi mereka kepada Poh Kong Jewellers Sdn Bhd 199301001339 (256076-X) dan kepada XOX Technology Berhad 199901007872 (482772-D) untuk tujuan Promosi ini.
14. HLISB berhak:
- menambah, menggugurkan, menggantung atau mengubah T&Cs terkandung di dalam ini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, dengan cara memberitahu Pelabur lebih awal. Bank akan menyiarkan T&C terkemaskini dalam laman web Bank, atau dengan apa-apa cara yang dianggap wajar oleh Bank.
  - melucutkan kelayakan mana-mana Pelabur daripada menyertai Promosi kerana tidak mematuhi T&Cs di dalam ini yang mana dianggap wajar oleh HLISB.
15. Semua T&Cs lain yang relevan dengan PIA-i mestilah terus terpakai melainkan dinyatakan sebaliknya menurut T&Cs di dalam ini.

16. Supaya Pelabur layak menikmati Kadar Indikatif Promosi PIA-i, maka langganan PIA-i mestilah dibuat dalam Tempoh Promosi melalui Hong Leong Bank Connect.
17. T&Cs adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelabur bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa bukan eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
18. Jika terdapat apa-apa percanggahan antara T&Cs di dalam ini dengan sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan atau bersabit dengan Promosi, Pelabur hendaklah membuat rujukan kepada T&Cs ini.
19. T&Cs di dalam ini dan Terma dan Syarat Am PIA-i hendaklah dibaca bersama-sama sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika terdapat apa-apa perbezaan antara T&Cs di dalam ini dengan Terma dan Syarat Am PIA-i, Pelabur hendaklah membuat rujukan kepada T&C ini yang hanya terpakai kepada Promosi ini.
20. Terma dan Syarat Am yang terpakai kepada Promosi ini boleh disemak di [www.hlisb.com.my/PIA-i](http://www.hlisb.com.my/PIA-i).
21. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak, dan begitu juga sebaliknya.

**PRODUK INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM**